

PELABUHAN KLANG: Kekurangan pelaut tempatan yang layak bekerja di atas kapal dagang berdaftar di negara ini bagi mengisi keperluan lebih 50,000 jawatan itu menyebabkan banyak syarikat perkapalan tempatan terpaksa menggajikan rakyat asing.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Rahim Bakri, berkata sehingga kini Malaysia hanya mempunyai lebih 20,000 pelaut tempatan dan menggajikan kira-kira 15,000 pelaut dari negara jiran terutama Indonesia dan Filipina.

Daripada jumlah itu, katanya, empat jawatan tertinggi iaitu kapten, ketua jurutera, jurutera kedua dan pegawai kapal didapati mengalami kekurangan, manakala jawatan bawahan boleh diisi pelatih daripada akademi latihan berkaitan maritim.

Katanya, kekurangan itu menimbulkan kebimbangan kerajaan bagi mengisi kekosongan di atas 4,677 kapal yang berdaftar di negara ini.

Justeru, katanya, kementerian dan Jabatan Laut mengambil pelbagai inisiatif bagi menggalakkan penyertaan golongan belia dalam kerjaya sebagai pelaut, antaranya dengan mengadakan Sambutan Hari Maritim Sedunia 2010.

"Kerjaya pelaut menjanjikan pulangan yang baik selain dapat berkhidmat untuk



ABDUL RAHIM (tengah) melawat ruang pameran Maritim Malaysia pada Festival Maritim sempena Sambutan Hari Maritim Sedunia 2010 Peringkat Kebangsaan di Padang Jalan Pelabuhan Selatan.

Negara kekurangan pelaut layak bekerja kapal dagang

negara. Kita juga ada Akademi Laut Malaysia (ALAM) yang bertanggungjawab melatih pelaut supaya dapat memastikan sekurang-kurangnya kita mampu memenuhi keperluan dalam industri maritim tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Hari

Maritim Sedunia 2010 peringkat Kebangsaan di Pelabuhan Klang di sini, semalam. Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Laut, Datuk Kapten Ahmad Othman.

Abdul Rahim berkata, kebanyakan generasi muda memilih bidang pekerjaan lain berbanding pelaut kerana sebagai pelaut, mereka terpaksa

merantau dan sentiasa berjauhan dengan keluarga.

Katanya, pembabitan syarikat perkapalan tempatan dalam menghasilkan lebih banyak pelaut terutama di peringkat tertinggi, adalah kritikal berikutan setiap kursus memerlukan pelatih menjalani latihan di atas kapal selama 12 bulan.

Genting diiktiraf resort terkemuka

BANGSAR: Genting Highlands Resort terus unggul sebagai pusat peranginan utama apabila diiktiraf sebagai Resort Kasino Terkemuka dan Resort Percutian Keluarga Terkemuka di Asia pada majlis World Travel Awards yang diadakan di Claridges Surajkund Delhi, India, 14 Oktober lalu.

Naib Presiden Eksekutif Genting Malaysia Berhad, Kevin Sim, berkata kemenangan untuk Anugerah Resort Kasino Terkemuka Asia adalah untuk kali kelima berturut-turut dan Resort Percutian Keluarga Terkemuka Asia pula untuk kali ketiga berturut-turut.

Katanya, anugerah itu akan dijadikan semangat bagi menyediakan perkhidmatan lebih baik kepada lebih 20 juta pengunjung resort itu setiap tahun dengan bantuan 13,000 pekerja.

"Kita berbangga kerana dapat menawarkan hiburan dan perkhidmatan dalam bidang ini dengan profesional hingga diiktiraf sebagai Resort Percutian Keluarga Terkemuka di Asia. Ia memberikan kami satu kepuasan tidak terhingga.

"Pengiktirafan ini adalah

“Kita berbangga kerana dapat menawarkan hiburan dan perkhidmatan dalam bidang ini dengan profesional hingga diiktiraf sebagai Resort Percutian Keluarga Terkemuka di Asia”

Kevin Sim

Naib Presiden Eksekutif
Genting Malaysia Berhad

sangat membanggakan kerana pencalonan bagi kategori ini membabitkan ribuan pencalonan," katanya dalam kenyataan di sini.

Katanya, World Travel Awards dianggap seperti anugerah Oscars di dalam industri pelancongan oleh Wall Street Journal yang diperkenalkan pada 1993 bagi menggalakkan industri pelancongan di peringkat dunia.

"Kemenangan pada anugerah World Travel Awards adalah pencapaian terbaik terutama dalam bidang pelancongan," katanya.